



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 4/1985**

**Pengeluaran Permit Untuk Menggunakan Ruang Udara Atas
Tanah Kerajaan Atau Tanah Rizab (Disemak 2007)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 4/1985
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 4/1985

**Pengeluaran Permit Untuk Menggunakan Ruang Udara Atas
Tanah Kerajaan Atau Tanah Rizab (Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat Pentadbir Tanah mengenai pengeluaran permit untuk menggunakan ruang udara atas tanah Kerajaan atau tanah rizab di bawah seksyen-seksyen 75A-75G, Bab 4 Bahagian Empat Kanun Tanah Negara 1965.

2. Menurut seksyen 75A Pihak Berkuasa Negeri boleh meluluskan pengeluaran permit dalam Borang 4D untuk tujuan menggunakan ruang udara di atas tanah Kerajaan atau tanah rizab bagi mendirikan, menyenggara dan menduduki binaan-binaan yang menyambung kepada mana-mana binaan yang terletak atas tanah bersebelahan atau mendiri, menyenggara dan menduduki binaan-binaan atas tanah Kerajaan atau tanah rizab dengan syarat pemegang permit itu mempunyai hak terhadap ruang udara yang disempadani oleh binaan itu sahaja.

3. Permohonan untuk permit menggunakan ruang udara atas tanah kerajaan/tanah rizab hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri dan disertakan dengan berikut:-

- (a) bayaran yang ditetapkan;
- (b) butir-butir lanjut mengenai binaan yang dicadang akan didirikan dan disenggarakan serta pelan binaan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa perancangan yang berkenaan seperti Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah; dan
- (c) bagi kes-kes yang melibatkan tanah rizab, surat kebenaran daripada pegawai pengawal hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

4. Semasa meluluskan permit ini, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menentukan perkara-perkara berikut:-

- (a) bayaran tahunan;
- (b) terma-terma dan syarat-syarat yang khusus; dan
- (c) bayaran deposit atau jaminan dalam bentuk lain bagi memastikan bahawa pemegang permit akan memenuhi syarat-syarat yang dikenakan itu.

5. Pentadbir Tanah hendaklah mendaftarkan permit dalam dua salinan. Salinan asal hendaklah dikeluarkan kepada pemohon yang telah berjaya dan salinan kedua hendaklah disimpan sebagai salinan pejabat. Permit tersebut hendaklah dinomborkan mengikut siri Daerah. Salinan Pejabat ini adalah Daftar Permit yang dikeluarkan untuk penggunaan ruang udara atas tanah Kerajaan atau tanah rizab.

6. Pentadbir Tanah hendaklah juga menyelenggarakan satu buku rekod mengenai bayaran deposit dan bayaran tahunan bagi kes-kes permit tersebut untuk disimpan dengan menggunakan format seperti di **Lampiran A**. Bayaran deposit hendaklah dimasukkan ke dalam akaun deposit Pejabat Tanah dan bayaran tahunan bagi permit perlulah diakaunkan ke dalam satu kod yang berasingan. Pentadbir Tanah perlu menggunakan resit pembayaran pelbagai.

7. Permit yang dikeluarkan kepada pemohon tidak boleh diserahkan *"assigned"* kecuali diperolehi kebenaran Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu. Permohonan-permohonan

untuk serahhak permit hendaklah dibuat dalam borang di Lampiran B, jika tidak ditetapkan oleh Kaedah-kaedah Tanah Negeri. Apabila telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, penyerahhak hendaklah mengemukakan dokumen serahhak (*Deed of Assignment*) bersama-sama kelulusan Pihak Berkuasa Negeri kepada Pentadbir Tanah. Seterusnya, catatan perlu dibuat oleh Pentadbir Tanah dalam salinan Pejabat (*office copy*) Permit yang berkenaan. Catatan itu adalah seperti berikut:

“Permit menggunakan ruang udara di atas *tanah Kerajaan/tanah rizab Permit No. diserahhak kepada yang beralamat padahb.jampagi/petang.

T.M.

.....
Pentadbir Tanah”

8. Permit ini boleh dibatalkan di bawah seksyen 75G jika pemegangnya melanggar syarat permit dan dalam keadaan sedemikian, wang deposit yang dibayar itu hendaklah dirampas. Permit ini boleh juga dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada bila-bila masa sebelum tamat tempohnya mengikut budi bicara Pihak Berkuasa Negeri walaupun tiada apa-apa pelanggaran syarat permit. Akan tetapi dalam kes sedemikian, pampasan perlu dibayar kepada pemegang permit, sebagaimana yang dipersetujui dan ditentukan di bawah seksyen 434 Kanun Tanah Negara 1965. Sebarang pembatalan hak permit hendaklah dicatatkan dalam Daftar Permit.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

LAMPIRAN 'A'

**BUKU REKOD PERMIT MENGGUNAKAN RUANG UDARA DI ATAS *TANAH KERAJAAN/RIZAB
(Seksyen 75A)**

No. Permit	Nama dan Alamat Pemegang Permit	Luas	Kegunaan	Deposit (Jumlah & No. Resit)	Bayaran Tahunan																				Catatan (Rujukan Fail & Sebagainya)
					1985	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005

**PERMOHONAN UNTUK MENYERAHHAK PERMIT MENGGUNAKAN RUANG UDARA DI
ATAS *TANAH KERAJAAN/TANAH RIZAB**

(Seksyen 75E)

Kepada:

Pentadbir Tanah,

Daerah

Saya yang beralamat

.....
.....
.....
..... adalah pemegang permit menggunakan ruang udara di atas *tanah Kerajaan/ tanah rizab Permit No. dan dengan ini memohon untuk menyerahhak permit tersebut kepada No. Kad Pengenalan/Pasport warganegara yang beralamat
.....

2. Alasan dan balasan penyerahhakan ini adalah seperti berikut:

.....
.....
.....

(Lampiran jika ruang in tidak mencukupi)

3. Bersama-sama ini saya sertakan bayaran permohonan sebanyak RM

.....
(Tandatangan Pemohon)

Bertarikh hb. 20.....